

25/02/2003

Haramkan peperangan (HL)

KUALA LUMPUR: "Haramkan peperangan", demikian tegas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan sulungnya sebagai Pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) pada perasmian Sidang Kemuncak ke-13 pergerakan itu di sini, semalam.

Perdana Menteri menegaskan NAM yang disuburkan semula supaya relevan dengan tuntutan semasa, perlu berusaha mengharamkan senjata nuklear, menghentikan penyelidikan dan pembangunan serta perdagangan senjata konvensional yang membawa maut.

"Peperangan patut diharamkan. Ia harus menjadi perjuangan kita sekarang. Kita mesti berjuang demi keadilan dan pembebasan daripada penindasan, daripada kekuasaan ekonomi.

"Kita patut mengetepikan ancaman perang terlebih dulu. Dengan ancaman perang yang membayangi kita, kita langsung tidak akan berjaya dalam memajukan kepentingan negara kita," katanya disambut tepukan gemuruh perwakilan daripada negara anggota.

Berucap di depan 63 ketua negara dan kerajaan di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Dr Mahathir yakin perjuangan pergerakan yang dianggotai 116 negara itu, akan mendapat banyak sokongan di kalangan rakyat negara Utara.

"Ketika Jepun dikalahkan, ia dibenarkan membelanjakan hanya satu peratus daripada Keluaran Negara Kasarnya untuk angkatan tenteranya. Jika syarat sedemikian boleh dikenakan terhadap Jepun, kenapa pula tidak boleh dikenakan ke atas semua negara," katanya, sekali lagi disambut tepukan.

Sidang kemuncak itu menyaksikan penerimaan masuk Timor Leste (dulu Timur Timor) serta Saint Vincent and The Grenadines, gugusan pulau di Carribean, menjadikan jumlah keanggotaan NAM meningkat kepada 116, kedua terbesar selepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Dr Mahathir yang mengambil alih jawatan Pengerusi NAM daripada Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki berkata, dunia kini membelanjakan trilion ringgit untuk membeli senjata dan teknologi baru sebagai persediaan bagi menjamin keselamatan berterusan dalam keadaan cemas.

Beliau berkata, dunia sepatutnya dibebaskan daripada belunggu kepercayaan lapuk bahawa membunuh manusia boleh menyelesaikan masalah hubungan di antara negara.

Sambil menolak anggapan kononnya NAM tidak lagi relevan atau ketinggalan zaman, beliau berkata, NAM yang disuburkan semula hendaklah mensasarkan perjuangan bagi mengharamkan perang.

"Kita tahu kita lemah. Tetapi kita juga tahu kita mempunyai sekutu di Utara. Mereka juga mahu peperangan dihapuskan, pembunuhan kejam manusia atas apa jua alasan.

"Mereka mungkin tidak bersetuju dengan kita dalam semua perkara, tetapi dalam menentang peperangan, begitu banyak yang akan bersama kita.

"Mereka bersedia untuk menentang pemimpin mereka yang sukakan peperangan. Kita harus bekerjasama dengan mereka," katanya merujuk kepada perhimpunan membantah serangan ke atas Iraq di seluruh dunia terutama di Barat sejak sebulan lalu.

Beliau berkata, banyak negara di Utara sudah jelik dengan peperangan dan berjuta-juta rakyatnya tampil untuk membantah dasar pemimpin mereka yang sukakan perang.

"Kita patut menyertai mereka. Kita patut menyertai perjuangan mereka dengan keseluruhan kekuatan moral yang kita ada," katanya.

Perdana Menteri berkata, NAM patut berusaha ke arah sebuah orde baru dunia dengan amalan demokrasi yang tidak hanya terhad kepada pengurusan dalaman negara, tetapi juga pentadbiran dunia.

Beliau percaya pergerakan itu mempunyai wawasan untuk membina sebuah orde baru dunia yang lebih adil dan saksama dan kerana itu, ia harus disuburkan semula.

Bagaimanapun, katanya, usaha itu hanya boleh dicapai dengan merapatkan barisan dan melakukan tindakan bersama.

Dr Mahathir turut mengulangi pendirian Malaysia sebelum ini bahawa PBB patut diperbaharui. Katanya, badan dunia itu tidak harus lagi terikat dengan hasil peperangan dunia yang berlaku lebih separuh abad lalu.

Beliau berkata, jika agensi antarabangsa, dalam sebuah dunia globalisasi berhak mengawasi hak asasi manusia, amalan perniagaan dan jenis demokrasi yang diamalkan negara, sebuah badan antarabangsa yang benar-benar terikat hanya kepada Perhimpunan Agung PBB, patut memantau belanjawan ketenteraan semua negara.

Perdana Menteri percaya, dalam perjuangan untuk mengharamkan peperangan dan mengawal senjata, nuklear serta konvensional, NAM akan mendapat sokongan yang meningkat daripada kebanyakan rakyat di Utara.

"Bagaimanapun, ini adalah satu tugas yang menggentarkan. Kecuali kita berpadu atas semangat kuat sekarang, kita akan menanti dengan sia-sia negara berkuasa di Utara untuk secara sukarela menghentikan tindakan kejam membunuh manusia atas alasan demi kepentingan negara," katanya.